

LEONG SIN NAM: PEMIMPIN MASYARAKAT CINA PERAK YANG DERMAWAN

Ku Boon Dar*

Abstrak

Kajian ini mengkaji peranan dan sumbangan Leong Sin Nam, seorang tokoh terkemuka dalam sejarah Perak, dalam membantu kebajikan masyarakat setempat. Beliau dikenali atas sumbangannya kepada institusi kebajikan, pendidikan, sukan, dan sosial. Kehidupan beliau mencerminkan komitmen terhadap kesejahteraan rakyat dan negara, terutama semasa krisis ekonomi dan zaman perang. Melalui penggunaan kaedah kajian yang melibatkan analisis teks sejarah dan dokumen berkaitan, kajian ini mengupas kepedulian beliau terhadap masyarakat setempat. Leong Sin Nam juga berperanan dalam meredakan tekanan sosial semasa krisis ekonomi, dan pengorbanan serta sumbangannya mencerminkan keikhlasan dan kesungguhan dalam membantu golongan yang memerlukan. Hasil kajian ini dapat menginspirasi semangat kebajikan dan komitmen terhadap masyarakat tempatan yang dapat diambil teladan oleh generasi masa kini.

Kata Kunci: Dermawan, Krisis ekonomi, Leong Sin Nam, orang Cina, Perak

Pengenalan

Leong Sin Nam (20 April 1880 – 19 Januari 1940), alias Leong Sin, Leung Sin, Leong Sin Hee, merupakan seorang ahli perniagaan tersohor di Perak. Beliau berhijrah dan menetap di Tanah Melayu pada tahun 1898. Sejak dari awal lagi, beliau bekerja keras sehingga muncul sebagai pengusaha lombong bijih timah yang terkaya di Perak. Beliau adalah seorang ahli perniagaan, seorang pemimpin masyarakat yang aktif dan seorang dermawan yang banyak menabur bakti kepada masyarakat Perak khususnya orang Cina. Walaupun perbincangan dalam bab ini lebih menonjolkan aspek sumbangsih Leong Sin Nam dalam aspek sosial. Namun, aspirasi tokoh ini dilihat merupakan perintis terhadap satu usaha gigih untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia. Idea, usaha dan tindakan beliau dalam membantu masyarakat Cina khususnya dan membangun bandar Ipoh amnya diharap boleh menjadi rujukan kepada sebarang masalah semasa atau sekurang-kurangnya memberi idea bagi mengatasi permasalahan yang melanda

* Dr. Ku Boon Dar ialah Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM).

masyarakat kita hari ini. Tentunya, segala persekitaran dan permasalahan masyarakat pada zaman beliau agak berbeza dengan situasi yang berlaku di negara kita pada hari ini, namun, persamaan asas tetap bersendi.

Dengan rujukan kepada pemikiran, tindakan dan usaha tokoh ini, tentunya diharap melalui kajian ini, generasi kini boleh mendapat idea atau sekurang-kurang rujukan untuk menyelesaikan permasalahan mereka. Pengkajian terhadap beliau juga merupakan tanda penghargaan kepada segala sumbangan dan penat lelah Leong Sin Nam dalam melahirkan suasana dan keselesaan sosial kepada masyarakat Perak. Justeru, kajian ini signifikan sebagai satu inspirasi kepada generasi kini dan akan datang terhadap perlunya satu kepimpinan yang kudus dan mementingkan kebajikan rakyat. Leong Sin Nam menjadi suri teladan yang tuntas bagi mereka yang mencari kecemerlangan dalam hidupnya, terutamanya mereka yang berhasrat menjadi pemimpin masyarakat. Kemurahan dan keprihatinan Leong Sin Nam terhadap kebajikan rakyat Malaysia khususnya terhadap komuniti Cina diibaratkan sebagai ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.

Latar Belakang dan Kehidupan Awal

Leong Sin Nam dilahirkan pada 20 April 1880 di Thai Chook Pau, sebuah kampung di daerah Mooi Yan (Kaying), provinsi Guangdong, selatan China. Beliau berketurunan suku Hakka. Oleh itu, kadang-kala nama beliau dikenali dengan pelbagai versi bergantung kepada panggilan yang berlainan seperti menggunakan pelbagai sebutan Hakka atau mandarin. Nama lain beliau ialah Leong Sin, Leung Sin dan Leong Sin Hee.¹

Pada tahun 1883, bapanya Leong Hin Fook (pinyin: Liang Qinfu), juga dikenali sebagai Leong Tin Siew bersama seluruh ahli keluarga telah meninggalkan Guangdong untuk berhijrah dan seterusnya menetap di Pulau Pinang, China ketika itu di ambang kebobrokan akibat limpahan perdagangan candu yang diusahakan oleh pihak British. Kemasukan candu secara berterusan menyebabkan pengaliran keluar banyak wang perak dari China. Kajian Hong Lu, Terance D. Miethe dan Bin Liang, *opium imports caused a continuous outflow of silver and stagnation in the demand for other commodities*² Situasi ini mengancam dasar kewangan China yang secara langsung membebaskan rakyat China. Natiujahnya, situasi ketidak keruan ini menyebabkan berlakunya gelombang penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu secara berterusan demi kelangsungan hidup mereka. Mengikut kajian Hong Liu, pola penghijrahan orang Cina selepas Perang Candu adalah sangat besar. Menurutny, *after the First Opium War, migration was carried out collectively by large mnumber of people*.

Lalu Leong Sin Nam membesar dan mendapat pendidikan awal di Pulau Pinang. Semasa zaman persekolahan beliau, Leong Sin Nam digambarkan sebagai seorang pelajar yang pintar. Beliau berjaya menamatkan pendidikan peringkat sekolah menengah aliran Cina.³ Walau bagaimanapun pendidikannya terbantut apabila bapanya meninggal dunia pada tahun

1 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.1.
2 Hong Lu, Terance D. Miethe, Bin Liang. *China's Drug Practices and Policies: Regulating Controlled Substances in a Global Context*. London: Routledge, 2009, hlm.33.
3 *Straits Echo*, 20 January 1940.

1894. Leong Sin Nam yang ketika itu baharu mencecah usia 14 tahun. Selang dua tahun kemudian, ibunya memutuskan untuk kembali semula ke China kerana hendak membawa balik jenazah suaminya (abu) untuk disemadikan di kampung halamannya. Namun, dalam perjalanan tersebut, ibu Leong Sin Nam pula jatuh sakit dan meninggal dunia di Shantou, provinsi Guangdong. Dari Shantou, Leong Sin Nam menerus perjalanannya ke Mooi Yan. Leong dengan mengayuh seorang diri dengan sebuah sampan yang disewanya. Hal ini sedemikian kerana Leong Sin Nam terpaksa memikul tanggungjawab mengebumikan ibunya dan menjaga dua adik lelakinya yang baharu berusia enam dan sepuluh tahun. Nasib baik setelah selamat tiba di Mooi Yan, kepulauan beliau dialu-alukan oleh sanak-saudaranya dan penduduk kampung yang terus mencurahkan bantuan kepada mereka.⁴

Namun, selang tidak berapa lama, penduduk kampung berasa kecewa terhadap beliau. Hal ini sedemikian kerana Leong Sin Nam dikatakan telah terlibat dalam kancah penagihan dadah akibat kebebasan tanpa kawalan terhadap dirinya. Menurut kajian Teoh Guat Kim, beliau berpandangan bahawa *...he led a carefree life and squandered away his father's property by indulging in opium smoking and other luxuries*.⁵ Oleh itu, lakaran dan kisah kehidupan remajanya di Mooi Yan jarang dibangkit oleh Leong Sin Nam. Lebih-lebih lagi dikatakan zaman remaja Leong Sin Nam merupakan satu episod hitam untuk dirinya sehingga kalau boleh, beliau ingin memadamkannya dalam riwayat hidupnya. Namun, beliau bernasib baik kerana menyedari kesilapannya lalu segera insaf dan balik semula ke pangkal jalan. Lalu timbul kesedaran pada dirinya dan beliau nekad untuk memulakan kehidupan baharu di Tanah Melayu. Beliau percaya bahawa dengan langkah sedemikian, beliau hanya akan dapat menjauhi dirinya daripada pengaruh rakan sebaya yang terus mengasaknya terjerumus dalam penagihan dadah tersebut. Sesungguhnya, pengalaman bermasuat di Tanah Melayu bersama bapanya menyebabkan Leong Sin Nam berpandangan bahawa sinar harapan dan cahaya kehidupan yang lebih baik hanya boleh beliau perolehi apabila berhijrah ke Tanah Melayu.

Lalu, pada tahun 1898 ketika Leong Sin Nam berusia 18 tahun, beliau kembali ke Tanah Melayu. Apatah lagi ketika itu, China di ambang kekacauan kerana ketidakstabilan dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Maharani Cixi yang memerintah di sebalik tabir istana Qing telah memporak-porandakan pentadbiran China. Apatah lagi Pemberontakan Boxer yang tercetus memberi implikasi besar kepada China. China terpaksa membayar sejumlah ganti rugi yang besar kepada pihak Barat. Protokol Boxer yang dimanteri dengan kuasa Barat selepas pemberontakan tersebut menyebabkan China terpaksa membayar kira-kira 450 juta taels atau kira-kira US\$333 juta. Ganti rugi ini terpaksa dibayar dalam bentuk bond dengan kadar cukai 4% setahun dibayar dalam bentuk emas. Hutang tersebut meningkat kepada US\$739 juta apabila langsa dibayar pada tahun 1940.⁶

Kehidupan dan kebajikan rakyat China pula terus dihempit segala penderitaan dan kesulitan. Lalu seperti mana menurut Yat Yoong Yip bahawa orang Cina terpaksa berhijrah ke kepada Tanah Melayu untuk bekerja, berniaga dan mencari nasib mereka khususnya sektor perlombongan bijih timah. Dasar-dasar British yang memerlukan jumlah tenaga buruh untuk

4 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.1.

5 *Ibid.*

6 Wang Jianlang. *Unequal Treaties and China* (Vol. 1), Honolulu: Enrich Professional Publishing Limited, 2015, hlm.65.

bekerja di lombong bijih timah juga menggalakkan penghijrahan beramai-ramai buruh Cina ke Tanah Melayu.⁷ Pada tahun 1927 contohnya, bilangan buruh lelaki Cina dewasa yang memasuki Tanah Melayu adalah dianggarkan mencecah 151,693 orang.⁸

Ceburi Sektor Perlombongan Bijih timah

Setibanya di Tanah Melayu, beliau bukannya pergi ke Pulau Pinang sebagaimana pengalaman beliau yang pernah tinggal di pulau tersebut selama 12 tahun, sebaliknya Leong Sin Nam memilih bandar Ipoh untuk memulakan penghidupan baharunya.⁹ Hal ini sedemikian kerana *Ipoh was described in 1896 as being the 'present terminus of the Kinta Railway and the centre of numerous tin-fields.'*¹⁰

Mula-mula beliau bekerja sebagai buruh kasar di lombong bijih timah, Leong Fee di Tambun, empat batu (6 km) dari Ipoh. Perak.¹¹ Tidak lama selepas itu, beliau dinaik pangkat kerana dilantik sebagai kerani pembelian yang bertanggungjawab ke atas segala hal ehwal pembelian syarikat. Kenaikan pangkat tersebut dikatakan kerana semasa beliau bekerja sebagai buruh kasar, tuan punya lombong mendapati Leong Sin Nam seorang yang kenal huruf dan pintar dalam serba-serbi. Sepanjang tempoh bekerja, beliau telah ditempatkan dan tinggal di rumah kongsi di kawasan perlombongan yang bernaung di bawah 'Sistem Koperasi' yang dikenali sebagai 'Fun-Si-Kai'. Melalui sistem ini, buruh-buruh yang pekerja merupakan pemegang saham syarikat perlombongan, tempat mereka bekerja. Segala keuntungan atau kerugian adalah bergantung kepada usaha gigih atau sikap tidak bertanggungjawab setiap pekerja. Melalui sistem ini, Teoh Guat Kim berpandangan bahawa usaha yang baik kerana para buruh di kawasan perlombongan akan lebih menumpahkan sepenuh tenaga dan kesetiaan mereka kepada syarikat yang mereka mencari nafkah.¹²

Lantaran itu, di detik awal menceburkan dalam pekerjaan sebagai buruh kasar ini, Leong Sin Nam menyedari nasib para pelombong dan dirinya. Ini membuatkan beliau lebih tekad untuk mengubah nasib dirinya. Perjuangan yang panjang dan penuh liku ini akhirnya membuahkan hasil apabila setingkat demi setingkat, Leong Sin Nam berjaya meloloskan diri dari peringkat bawah yang bermula sebagai buruh di lombong bijih timah. Sebaliknya, akhirnya beliau muncul sebagai seorang yang berkeupaya memperolehi kejayaan dengan cemerlang dalam kerjayanya.

Daripada seorang kerani pembelian, Leong Sin Nam menongkat tangga, muncul sebagai penyelia lombong bijih timah. Sifat beliau yang rajin dan selalu membuat yang terbaik terhadap apa-apa jua tugas yang diberikan menyebabkan majikannya, Leong Pit Loo, begitu mempercayainya. Apatah lagi, Leong Pit Loo juga banyak bergantung kepada Leong Sin Nam

7 Yat Yoong Yip. *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1969, hlm.65.

8 Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, terj. Nik Hasnaa Nik Mahmood, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997, hlm.219

9 *Perak Khek Association Handbook* (Majalah Cendermata sempena penubuhan Persatuan Perak Khek), 1951.

10 J. B. M. Leech. *Annual Report of Kinta District*, 1892.

11 W. E. Everitt, *History of Mining in Perak*. Vol. 14. Perak: NA. 1952, hlm.60.

12 Teoh Guat Kim, *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.8.

untuk mendapatkan nasihat dan pandangan dalam mengendalikan urusan perlombongannya. Pada tahun 1906, ketika berusia 25 tahun, Leong Sin Nam bersama majikannya telah melakukan lawatan ke Keng Chiow di China untuk mengkaji dan mengetahui lebih lanjut mengenai industri perlombongan. Pengalaman lawatan tersebut dikatakan telah meletakkan asas untuk Leong Sin Nam menceburi perniagaan perlombongan pada masa depannya.

Selepas bekerja selama beberapa tahun, Leong Sin Nam akhirnya berjaya mengumpulkan sejumlah wang. Lalu beliau melabur hasil pendapatan dalam sektor perlombongan bijih timah bersama-sama dengan rakan-rakan pelombong yang lain. Dengan bermodalkan \$200.00, beliau telah memajak beberapa kawasan perlombongan di Telok Kruin (Lembah Kinta) Hasilnya, beliau berjaya mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Hal ini sedemikian kerana pada tahun 1906, harga timah melambung tinggi dengan setiap picul dianggarkan dijual pada harga \$89.¹³

Selain itu, kawasan perlombongan bijih timah di Ipoh (Lembah Kinta) juga semakin berkembang maju dan kepesatannya melepasi kawasan perlombongan di Larut. Bijih timah telah ditemui di kawasan Lembah Kinta sekitar tahun 1880-an.¹⁴ Antara lain, Leong Sin Nam merupakan antara pelopor pembukaan perlombongan bijih timah di kawasan tersebut. Selain itu, pada tahun 1908 landasan keretapi dari Ipoh ke Tronoh telah dibuka untuk laluan. Pembukaan laluan landasan keretapi ini telah menghubungkan kawasan-kawasan perlombongan yang kaya seperti Menglembu, Lahat, Papan, Pusing dan Siputeh. Pembukaan laluan landasan keretapi ini seperti mana dilaporkan oleh *Perak Government Gazette* menyatakan bahawa,

“The line was about 15 miles in length and ten trains ran each way daily. The money derived from the first 77 days of its existence amounted to \$33,977/29 and would have been more had goods been carried for the whole period.”¹⁵

Pada tahun 1910 Leong Sin Nam berjaya mengusahakan lombong bijih timah miliknya yang dikenali sebagai *Sin Nam Lode Mine* di Menglembu. Pendapatan lombong bijih timah beliau sangat menguntungkan dan dengan hasil yang diperolehi, Leong Sin Nam berjaya meluaskan empayaran bijih timahnya dengan membeli dua buah lombong bijih timah lagi, satu di Pusing pada tahun 1912 dan satu lagi di Falim pada tahun 1913.¹⁶ Namun pada tahun 1917, lombong Leong Sin Nam terpaksa ditinggalkan kerana terdapat aliran air bawah tanah (subterranean) yang menjadikan aktiviti perlombongan di kawasan tersebut berbahaya kepada para pelombong. Tindakan untuk mengepam keluar air bawah tanah telah dilakukan, tetapi usaha tersebut ternyata gagal.

Lalu pada tahun 1913, Leong Sin Nam terpaksa beralih perniagaannya ke Ipoh, sebuah bandar perlombongan bijih timah yang sedang berkembang pesat. Sungai Kinta yang merentasi bandar Ipoh seolah-olah membahagikan bandar tersebut kepada dua yakni Bandar

13 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.11.

14 Khoo, Kay Kim. *Tanjong, Hilir Perak, Larut and Kinta; the Penang-Perak nexus in history*. Department of History, University of Malaya. The Penang Story – International Conference 2002.

15 *Perak Government Gazette*, 1909.

16 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.11.

Lama dan Bandar Baharu. Deretan rumah-rumah batu bata telah menggantikan rumah atap selepas kebakaran besar pada tahun 1892. Menurut Wright dan Cartwright bahawa kepesatan bandar Ipoh sekitar tahun 1900-1920 boleh diringkaskan sebagai, ...

*“The town has grown rapidly since 1901, when the census return gave the population as 12,791. The buildings which replaced the old attap sheds and huts of fifteen years ago are themselves fast giving place to substantial business premises. Land is being reclaimed, bridges are being constructed, roads widened and improved, and the town is rapidly becoming a place of which its inhabitants may justly be proud.”*¹⁷

Semasa ketibaan Leong Sin Nam di Ipoh, bangunan-bangunan seperti Menara Jam Peringatan Birch, Rumah Rehat, Pejabat Pos dan Dewan Bandaran, Pasar Yau Tet Shin, Gereja England, Anderson School, Methodist Girls’s School, Convent dan bangunan Sekolah Anglo-Cina sudah wujud. Selain itu, juga terdapat tiga bank iaitu Bank Berkanun India, Australia dan China, Hong Kong dan Shanghai Bank dan kemudiannya Bank of Malaya Ltd.¹⁸ Kepesatan bandar Ipoh menyebabkan pada tahun 1914, sebuah Jawatankuasa Perancangan Bandar telah ditubuhkan demi menyelaraskan segala perancangan dan pembangunan yang berlaku di bandar Ipoh. Laporan jawatankuasa tersebut menyatakan bahawa,

*“The questions arising from the rapid development of Ipoh are various and intricate, and the Committee should be able to give material help to the Government in their solution.”*¹⁹

Selain ini, bandar Ipoh ini juga terdapat banyak syarikat perlombongan Eropah yang sudah berkembang maju seperti Tronoh Mines Ltd., Gopeng Tin Mining Co. Ltd. dan Kinta Tin Mines Ltd. Sementara itu, terdapat juga ramai pelombong Cina yang berjaya seperti Foo Choo Choon, Eu Tong Sen, Leong Fee, Chop Thai Lee, Chung Thye Phin, Au Moh Yi, Yau Tet Shin, Khi Ho Nin, Shak Yin Fuk,²⁰ Sementara itu, Lam Look Ing dan Aw Kong bukan sahaja merupakan pemilik lombong bijih timah tetapi mempunyai ramai tenaga buruh yang bekerja untuk mereka. Bagi Leong Sin Nam, persaingan sengit ini tidak dilihat sebagai kesukaran tetapi dipandangnya sebagai peluang meraih kejayaan yang lebih. Hal ini terbukti apabila beliau memanfaatkan pengalaman dan kemahiran yang diperolehi ini sebelum ini untuk menjalinkan kerjasama dengan para pengusaha perlombongan bijih timah tersebut. Akhirnya beliau berjaya bertapak di Ipoh dengan membuka dan memiliki sejumlah lombong bijih timah.

Pada tahun 1925, Leong Sin Nam telah berjaya mengasaskan Toh Allang Chinese Tin Ltd. Toh Allang Chinese Tin Ltd., juga dikenali sebagai Tanjong Toh Alang Tin Mines Ltd., telah didaftarkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1925, dan merupakan syarikat pertama sendirian berhad yang ditubuhkan di Perak. Leong Sin Nam telah mengambil

17 A. Wright and H. A. Cartwright. *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its history, People, Commerce, Industries, and Resources*. London: Lloyd’s Greater Britain Publisher, 1908, hlm.871.

19 *Straits Echo*, 17 July 1920

19 *Federated Malay States Report*, 1911.

20 Keterangan rinci tokoh-tokoh tersebut, sila lihat, Tak Ming Ho. *Generations: The Story of Batu Gajah*. Batu Gajah: Perak Academy, 2005.

alih pajakan perlombongan bijih timah tersebut daripada Ho Man, Foo Choong Nyit dan Chung Thye Phin, yang telah mengendalikan perlombongan tersebut dengan kerja-kerja melampas dan penggerudian alur bawah tanah di kawasan tersebut sejak tahun 1917.²¹ Pada tahun 1931, Leong Sin Nam berjaya pula membeli lombong Ampang berhampiran Tambun dari anak Yau Tet Shin lalu menubuhkan Lean Pang Kongsy. Kemudian, pada tahun 1933, beliau memperolehi pajakan perlombongan syarikat Ampang Tin Dredging.²² Lombong-lombong ini meliputi kawasan seluas 1,800 ekar (7.3 km²) dan hasilnya sangat menguntungkan. Usaha-usaha pemilikan lombong-lombong bijih timah yang dilakukan oleh Leong Sin Nam telah menyokong mata pencarian kepada lebih daripada seribu keluarga orang Cina yang mencari rezeki sebagai pelombing bijih timah di sekitar Ipoh dan Perak. Bijih timahnya dieksport melalui pelabuhan seperti Teluk Anson dan Port Weld yang dihubungkan dengan landasan keretapi dan jalan raya ke Ipoh. Pada tahun 1935 beliau telah mengunjungi China untuk meninjau prospek bijih timah. Beliau meninggalkan Tanah Melayu pada 28 September 1935 dengan menaiki bot *Cathay*.²³ dan kembali semula ke Tanah Melayu pada Disember tahun yang sama.²⁴ Tetapi perjalanan ini ternyata mengecewakan kerana isu kemudahan pengangkutan yang buruk di China. Akhirnya, ini menyebabkan Leong Sin Nam tidak menaruh harapan tinggi untuk menerokai sektor perlombongan di China.

Kepentingan Perladangan Getah dan Hartanah

Selain pembabitan dalam sektor perlombongan bijih timah di Perak, Leong Sin Nam juga menceburi sektor perladangan. Beliau juga memiliki dan menguruskan beberapa ladang getah yang besar. Pada tahun 1912 beliau membeli sebuah ladang getah seluas 90 ekar di Siputeh dan selang setahun kemudian, beliau bersama dengan rakan kongsinya, Lim Sin Chew berjaya membeli sebidang tanah seluas 400 ekar di Malim Nawar. Sementara itu, pada tahun 1920, tanah seluas 30 ekar di Jelapang yang telah dibelinya tersebut digunakan untuk penanaman getah. Pada masa tersebut, pemilik-pemilik ladang getah kaum Cina yang tersohor termasuk Foo Choo Choon dan Chung Thye Phin. Kebanyakan mereka melabur dalam penanaman pokok getah di kawasan-kawasan seperti Batu Gajah, Tanjong Tuallang, Chemor, Tanjong Rambutan dan Gopeng, berhampiran bandar Ipoh. Justeru, Teoh Guat Kim berpandangan bahawa kepesatan bandar Ipoh adalah hasil dari industri penanaman getah di kawasan-kawasan tersebut. Menurutnya,

*"Another reason why Ipoh prospered at this time was that the rubber industry became a profit-making enterprise in Batu Gajah, Tanjong Tuallang, Chemor, Tanjong Rambutan and Gopeng (all situated near Ipoh)."*²⁵

21 Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis. *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*. Batu Gajah: Perak Academy, 2005, hlm.183.

22 F. T. Ingham & E. F. Bradford. *The Geology and Mineral Resources of the Kinta Valley, Perak*. Kuala Lumpur: Government Printer, 1960, hlm.274

23 *Straits Times*, 24 September 1935

24 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 21 December 1935

25 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.13.

Hasil pulangan yang lumayan ini juga membolehkan Leong Sin Nam membeli beberapa buah rumah. Menjelang tahun 1912, Leong Sin Nam telah mengumpulkan sejumlah wang yang mencukupi sehingga menjayakan beliau membeli dua buah rumah di Menglembu. Pada tahun 1918 pula, sebuah rumah di Brewster Road, Ipoh. Manakala pada tahun 1919 pula, sebuah banglo di Jalan Gopeng berjaya dimiliki yang dibeli dari seorang Eropah. Pada tahun 1925, rumah tersebut telah diubahsuai dengan kos sebanyak \$100,000.

Selain itu, kepesatan bandar Ipoh menyebabkan pertambahan populasi penduduk di Ipoh. Pihak wewenang Ipoh menyedarkan akan masalah tersebut seperti mana dicatatkan bahawa,

*“The Ipoh authorities realized that the housing problem could be met with by developing the land on the other side of the Kinta River facing Ipoh town. This area was a jungle except for a few vegetable and fruit gardens and a few houses occupied by acquitters.”*²⁶

Memandangkan masalah kepadatan pendudukan dan masalah perumahan yang dihadapi, lalu Leong Sin Nam juga menceburi dalam bidang hartanah. Beliau telah membina beberapa projek rumah di Ipoh untuk menampung isu kekurangan penginapan. Selain itu, beliau juga membina enam buah rumah di Jalan Leong Sin Nam dan tiga buah rumah di Jalan Anderson (1926), masing-masing di Ipoh. Selain itu, bidang hartanah beliau juga berkembang ke Pulau Pinang. Projek perumahan juga dibina di Falim (1928) dan Lebuhr Clarke (1929) dengan masing-masing 15 buah rumah. Manakala lapan buah rumah di Lebuhr Horley (1930) dan membina dua banglo yang terletak di Jalan Ayer Rajah (Jalan Tunku Abdul Rahman) pada tahun 1927 dengan kos sebanyak \$50,000.²⁷

Pada tahun 1933 Leong Sin Nam membina sebuah banglo di Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang apabila laluan baharu dibuka sehingga boleh dihubungi dari Tapah. Leong Sin Nam berpandangan bahawa Cameron Highlands berpontesi muncul sebagai sebuah destinasi pelancongan, lalu beliau dan rakan-rakannya mengasaskan Syarikat Eastern Hotel. Beliau telah membina Eastern Hotel (The Orient Restaurant and Hotel) dan menjawat sebagai pengerusi dan pengarah urusan.²⁸ Matlamat syarikat Eastern Hotel adalah untuk menyediakan kemudahan penginapan yang selesa tetapi pada kadar yang murah kepada rakyat di Tanah Melayu yang datang mengunjungi Cameron Highlands. Hotel tersebut telah dibuka dengan rasminya pada 19 Januari 1935 dan akhbar *The Straits Times* pernah melaporkan,

*“The Eastern Hotel consists of twelve bedrooms with private verandahs and bathrooms attached, one common or public lounge, a large dining room with kitchen and servants’ quarters, a garage and for exercise tennis and badminton courts in front of the main building together with a lily and fishpond.”*²⁹

26 Letter of Mr. Lee Swee Hoe, date 22nd September 1950.

27 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.33.

28 Nangaen Chearavanont (Tse Yin), Ou Chiu Shui, *Singapore Stories: 石叻燕跡*, Chapter 38, Singapore: N.A., hlm. 191.

29 *The Straits Times*, 19 January 1935.

Hotel ini sangat membantu perkembangan dan kepesatan Cameron Highlands sebagai tumpuan destinasi pelancongan untuk bercuti. Pada tahun 1935 berikutan kejayaan Hotel Eastern, Leong Sin Nam membina lagi sebuah hotel di Ringlet, Cameron Highlands.

Selain itu, beliau juga aktif dalam institusi kewangan dan merupakan pengerusi Perak Trust and Investment Co. Ltd. di Ipoh dan pengarah Bank of Malaya Limited. Beliau membantu asas-asas Bank Malaya pada tahun 1920 dan Hakka Chung Khiaw Bank di Perak.³⁰

Sumbangan kepada Institusi Kebajikan, Pendidikan, Sukan dan Sosial

Kejayaan dan kekayaan yang dinikmati oleh Leong Sin Nam tidak menyebabkan dirinya lupa daratan. Sebaliknya Leong Sin Nam terus memanfaatkan kemewahan yang ada padanya untuk membantu golongan yang kurang benasib baik. Selama tiga dekad beliau berada di Tanah Melayu, beliau telah menyumbang tidak kurang daripada setengah juta dolar kepada pertubuhan-pertubuhan amal, pendidikan, sukan dan sosial dan sebagainya, terutamanya kepada *China Distress Relief Fund* (Tabung Bantuan Keperitan China) semasa meletusnya Perang China-Jepun pada tahun 1937-1945.

Selain itu, Leong Sin Nam juga merupakan seorang yang mendamba kepada ilmu. Setelah dilantik sebagai Ahli Majlis Negeri Perak dan Jaksa Pendamai (JP, *Justice of the Peace*) pada tahun 1927. Beliau telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan penguasaan bahasa Inggerisnya. Hal ini sedemikian kerana tugasnya sebagai Ahli Majlis Negeri dan Jaksa Pendamai memerlukan beliau untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Lalu beliau mengupah guru peribadi untuk membimbingnya dalam Bahasa Inggeris demi memahir penguasaan Bahasa Inggeris. Namun, langkah ini tidak melenyapkan kecintaan beliau terhadap budaya dan bahasa ibundanya. Beliau tetap berpandangan bahawa mewarisi budaya dan bahasa Cina adalah sangat penting sebagai akar dan roh sesuatu kaum. Justeru, beliau terus memainkan peranan penting dalam menyumbang derma kepada beberapa sekolah aliran Cina di Ipoh khususnya seperti membantu mendapatkan peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Yuk Choy daripada kerajaan Negeri Perak demi pembangunan kemudahan fizikal sekolah dan sahsiah pelajar-pelajarnya.³¹

Selain itu, sekolah-sekolah aliran Cina lain yang turut dibantu oleh Leong Sin Nam termasuklah Sekolah Cina Min Tet dan Sekolah Awam Gadis Cina, Sekolah Kwong Hon Kok Min (Batu Gajah), Sekolah Yit Chee (Batu Gajah), Sekolah Choong Woon (Buntong) dan Sekolah Ban Wah (Menglembu).³² Pada 25 Februari 1913, Leong Sin Nam menubuhkan Persatuan Kah Yin di Sekolah Min Tet. Selain itu, pada tahun 1914, Leong Sin Nam juga menderma sejumlah wang untuk membina Sekolah Ban Wah (Wan Hwah) yang terletak di Menglembu berikutan perniagaan sektor perlombongan bijih timah yang diceburi di Menglembu tersebut telah membawa banyak keuntungan.³³

30 Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis. *Kinta Valley: Pioneering Malaysia's Modern Development*. Batu Gajah: Perak Academy, 2005, hlm.217.

31 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.38.

32 *Ibid.*

33 Khoo Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley: Pioneering Malaysia's Modern Development*. Batu Gajah: Perak Academy, 2005, hlm.258.

Dalam pada itu, beliau juga menghulurkan sumbangan kepada sekolah-sekolah aliran bahasa Inggeris. Pada tahun 1927 beliau menderma \$ 2,500 kepada Tabung Bangunan Sekolah Cina Anglo.³⁴ Kemudian pada tahun 1937 beliau sekali lagi menderma \$ 3,000 kepada sekolah berkenaan untuk menaik taraf kemudahan bilik-bilik makmal sains sekolahnya. Bukan setakat itu, keprihatinan beliau dalam pendidikan menyebabkan Leong Sin Nam mewakafkan sebuah banglo milik keluarganya yang terletak Jalan Gopeng dengan tanah keluasan lima ekar (20,000-meter persegi) kepada 'Kah Heng Chew Huay Kuan' (Persatuan Kaying) untuk tujuan menubuhkan sebuah sekolah. Pemindahan pemilikan itu telah dilaksanakan ketika anak bongsu beliau mencapai umur 21 tahun. Perak Girl School pernah menduduki banglo ini sebelum lokasi sekolah ini disiapkan sepenuhnya dan ditempatkan semula di Jalan Kampar, Ipoh pada tahun 1947.

Selain itu, Leong Sin Nam juga berminat dalam bidang sukan walaupun beliau bukan seorang ahli sukan. Beliau amat meminati sukan badminton dan pernah menganjur dan menaja Piala Cabaran Leong Sin Nam untuk Kejohanan Badminton Terbuka antara Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Beliau menghadiri pelbagai mesyuarat Sukan Olahraga Cina Perak. Beliau sering juga menaja piala-piala sukan. Di antaranya sukan tenis dan lompat tinggi untuk Sekolah Anglo-Cina.³⁵

Sementara itu, dalam pelbagai hobi yang diceburinya, perlumbaan kuda merupakan hobi yang paling digemari beliau. Beliau memiliki beberapa ekor kuda dengan nama-nama seperti, 'Mr. Polly', 'Flushed', 'Pelonis', 'Gee Up', 'Celestial', 'New Zealand' dan 'Maid of Cashel,' 'Mr. Polly' mungkin merupakan kuda terbaik yang dimilikinya. Sementara itu, pada tahun 1936, Kelab Renang Kinta di Ipoh, sebuah kolam renang bersaiz olimpik telah dirasmikan oleh Sultan Perak, Sultan Iskandar Shah. Kelab renang tersebut telah dibuka kepada orang ramai. Kolam ini bergantung kepada bekalan air yang dibekalkan dari lombong Leong Sin Nam berhampiran Bukit Kledang. Leong Sin Nam telah menderma papan menyelam kepada kelab renang tersebut yang bernilai RM900.00.³⁶

Khidmat Bakti Dalam Kerajaan Tempatan

Antara 1914 dan 1918 Kerajaan Perak memberi kuasa kepada Leong Sin Nam untuk mengeluarkan mata wang kertas persendirian. Hal ini sedemikian kerana menjelang akhir Perang Dunia Pertama, pasaran mengalami kekurangan syiling akibat terbantutnya sektor perlombongan tembaga dan perak. Selain itu, Perak juga menghadapi kekurangan bekalan makanan pada tahun 1919. Leong Sin Nam juga turut membantu dalam meredakan situasi tersebut. Seperti dicatatkan oleh Durai Raja Singam bahawa,

*"During the food shortage in 1919. Leong Sin Nam proved himself to be of great assistance to the authorities in helping them to enforce rules and regulations which were introduced in order to relieve the distress and suffering among the poor."*³⁷

34 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.39.

35 *Straits Echo*, 20 January 1940.

36 *Morning Tribune*, 26 March 1936.

37 Durai Raja Singam S. *Malayan Street names: What they mean and whom they commemorate*. Ipoh: Mercantile Press, 1939, hlm. 27.

Sumbangsih beliau dalam meredakan krisis tersebut menyebabkan pada tahun 1920, Leong Sin Nam dilantik sebagai ahli dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak. Warta Kerajaan Negeri Perak mencatatkan bahawa, ...

*"HRH the Sultan of Perak has been pleased with the approval of the Chief Secretary to the Government to appoint Mr. Leong Sin Nam to be a member of Council of State since Mr. Foo Choo Choon resigned."*³⁸

Pada tahun yang sama juga, bulan April Leong Sin Nam dilantik sebagai Jaksa Pendamai dan juga terpilih sebagai ahli dalam Lembaga Penasihat Cina Negeri Perak. Selepas Perang Dunia Pertama dari 1921 hingga 1922, Perak mengalami krisis kewangan apabila permintaan bijih timah jatuh merundum. Maka tentunya kesan ini memberi tamparan hebat kepada para pengeluar bijih timah. Berlakunya masalah kewangan yang besar dihadapi oleh para pengeluar bijih timah menyebabkan pembuangan pekerja lombong secara besar-besaran. Maka, kerajaan Negeri Perak telah menyarankan agar menghantar pulang para pelombong yang berasal dari China demi mengatasi masalah lambakan buruh di pasaran. Melalui misi dan polisi penghantaran balik semula ke negara asal, para pelombog dikehendaki menanggung sendiri segala perbelanjaan mereka untuk kembali ke negara asal negara di China. Dasar ini tentunya memberi kesan yang amat berat kepada para pelombong yang rata-rata masih berhutang dan miskin. Maka *The Ipoh Chinese Relief Camp* telah ditubuhkan di bawah inisiatif dan kepimpinan Leong Sin Nam. Tabung ini cuba mengumpul wang demi menampung kos penghantaran para pelombong. Di samping itu, Leong Sin Nam menyokong dasar tersebut tetapi dalam masa yang sama cuba meringan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh para pelombong. Maka beliau telah membeli *China Liberty Bonds* demi membantu membiayai perjalanan para pelombong untuk kembali semula ke China.

Pada tahun 1930-an, isu bagi pemindahan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh dibangkitkan semula. Leong Sin Nam bersetuju dengan cadangan pemindahan tersebut. Pada tahun 1934, dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Taiping, Perak. Beliau telah menyuarakan pandangannya bahawa,

"I crave leave to move that this Council do make provision for the transfer of the capital of the State to Ipoh at the earliest possible moment. The question of Ipoh being made the capital of the State has been thoroughly discussed and finally approved by the Government years ago ... Apart from the incalculable convenience both to the administration and to the members of the public which will result by reason of the change there is one further reason why Ipoh should be made the capital of the State. Ipoh with its modern and imposing buildings, well laid out roads and grounds and rapidly increasing importance as a business centre has no rival as the principal town in the State and as such is eminently suitable and fit to be made the capital. I would also like to impress upon this Council the desirability of proceeding without further delay with the construction of the various public offices and residential quarters of the officials who will be stationed in Ipoh as a result of the change, for I know as an employer of labour, that the price of material and labour will increase

38 *Federated Malay States Government Gazette*, 12 March 1920. pp. No.6, Paragraph No. 950.

*rapidly. If delay is occasioned, I greatly fear that the expense of the change will be considerably increased".*³⁹

Pada tahun 1929, di ambang Kemelesetan Ekonomi Dunia, harga bijih timah dan getah mengalami kemelesetan dengan penurunan harga yang ketara. Banyak lombong bijih timah dan ladang getah terpaksa gulung tikar. Lalu berlakunya banyak pembuangan pekerja dalam kedua-dua sektor tersebut. Kemelesetan Ekonomi Dunia dekad-dekad 1930-an sememangnya menjejaskan dunia dan Perak kerana permintaan dunia terhadap bijih timah dan komoditi lain juga berkurangan. Walaupun pelbagai usaha dilakukan demi menstabilkan harganya. Contohnya Skim Sekatan Timah diperkenalkan untuk mengekang pengeluaran bijih timah yang melebihi demi mengekalkan harga yang stabil. Namun, pengurangan hasil bijih timah ini bermakna tenaga buruh terpaksa dikurangkan dan kesannya tentulah akan berlaku pengangguran yang tinggi. Leong Sin Nam dan rakan-rakannya mula menubuhkan Jawatankuasa Pengangguran Kinta yang menyediakan dana bantuan bulanan untuk para pelombong dan penoreh getah yang terkesan dengan krisis penurunan harga komoditi ini.

Pada tahun 1938 Leong Sin Nam mengusulkan skim untuk menstabilkan tenaga buruh di pasaran, baik kaum Cina mahupun kaum India. Langkah ini diambil sebagai alternatif mengurangkan pengangguran semasa kemelesetan ekonomi. Leong Sin Nam berpandangan, bahawa apabila idea skim beliau diterima, para pekerja bukan sahaja tidak akan menganggur tetapi mereka dapat dan akan kembali ke lombong dan ladang getah apabila diperlukan pada masa ekonomi yang lebih baik.⁴⁰ Lalu Leong Sin Nam telah mencadangkan pengapungan syarikat sendirian berhad kepada \$1,000,000⁴¹ untuk membeli tanah seluas 1,000 ekar (4.0 km²) untuk penyelesaian berskala besar-besarnya terhadap para penganggur yang dianggarkan berjumlah antara 5,000 dan 7,000 orang.

Syarikat sendirian berhad yang disarankan oleh Leong Sin Nam ini akan mengusahakan penanaman tanaman lain yang berdaya maju secara komersial, antara kacang gajus dan kemudian hasilnya akan diserahkan kepada peneroka yang akan membeli saham dan akhirnya menjadi pemilik tunggal kawasan penanaman tersebut.

*"He suggested the flotation of a \$1,000,000 Company to buy 1,000 acres of land for a large-scale settlement. The Company was to cultivate the land and later hand this over to the settlers who would buy shares and eventually become sole owners of the property."*⁴²

Namun, cadangan skim ini ditolak secara rasmi pada Mei 1939 kerana ahli-ahli mesyuarat majlis berpendapat ia melibatkan jumlah wang yang besar dan berpandangan kerajaan negeri terpaksa menanggung risiko yang besar.⁴³

39 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 19 October 1934.

40 Francis Loh Kok Wah. *Beyond the Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villages in the Kinta Valley, Malaysia, c. 1880 – 1980*. Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm.37.

41 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 21 October 1938.

42 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 31 October 1938.

43 *Straits Echo*, 18 May 1939.

Sumbangan Dan Bakti Dalam Komuniti

Selain itu, Leong Sin Nam juga menyumbang \$7,500 untuk pembinaan Hospital Bersalin Cina yang baharu di Jalan Kampar. Hospital Bersalin Ipoh yang asalnya dibina pada tahun 1904 terletak di Jalan Chamberlain dengan tanahnya diderma oleh Cheah Cheang Lim. Tokoh-tokoh lain yang menyumbang pembinaan hospital asal tersebut ialah Dr. RM Connolly, Foo Choo Choon dan Leong Fee. Namun, dilaporkan bahawa *...from 1923 onward, lack of accommodation became an acute problem, and it was decided to build a new one.* Lalu pembinaan hospital baharu diusulkan oleh Messrs dan akhirnya sebuah tanah ladang getah seluas 6.5 ekar disumbangkan oleh Foo Choon Yit, Foo Nyit Tse dan Cheah Chong Siew. Maka, usaha-usaha pembinaan hospital bersalin tersebut telah digerakkan oleh Leong Sin Nam. Leong Sin Nam adalah presiden Persatuan Bersalin Cina Perak pada tahun 1926. Bangunan Hospital Bersalin Cina dibuka secara rasmi pada 7 Oktober 1939 oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Shenton Thomas.⁴⁴ Bangunan yang menelan perbelanjaan sebanyak \$160,000 tersebut telah dianggap sebagai *‘one of the finest Maternity Hospital building in the Peninsula.’*⁴⁵

Sumbangan dan bakti lain yang signifikan oleh Leong Sin Nam adalah beliau membantu pembinaan Dewan Perhimpunan Cina Ipoh di Jalan Kuala Kangsar. Pada tahun 1920, Leong Sin Nam telah terpilih sebagai Presiden kedua Dewan Perniagaan Cina Perak, menggantikan Foo Choo Choon sebagai Presiden pertama (1913-1920). Sebelum pembinaan dewan tersebut, semua perjumpaan penting ahli diadakan di Dewan Bandaraya Ipoh. Lalu Leong Sin Nam bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain telah mengusulkan agar dibina sebuah bangunan yang lebih besar agar ahli-ahli dapat menjalani aktiviti dan perjumpaan mereka dengan lebih lapang dan tidak perlu menyewa daripada dewan pihak kerajaan tempatan. Pada mulanya, cadangan beliau dibantah oleh segelintir pemimpin masyarakat Cina kerana

*“The land was a graveyard, and this aroused opposition from the more superstitious Chinese and who disliked the idea of disturbing the dead. Letters of disapproval reached Leong Sin Nam and many rebuked him for digging up the bones of the dead.”*⁴⁶

Walau bagaimanapun, akhirnya bantahan daripada masyarakat Cina dapat diselesaikan oleh Leong Sin Nam dan proses pembinaan segera dimulakan. Maka, Leong Sin Nam telah menyeru dan meminta semua pekerja Cina di Perak agar turut menyumbang dana pembinaan bangunan tersebut dengan sumbangan \$3.00 setiap buruh Cina sebagai simbolik kebersamaan dan kesepunyaan bangunan tersebut. Akhirnya, sejumlah \$ 250,000 - \$150,000 berjaya dikutip untuk pembinaan Dewan Perhimpunan Cina dan sebanyak \$ 100,000 juga berjaya dikutip untuk menampung pembinaan bangunan sekolah yang berdekatan dengan dewan tersebut.⁴⁷ Leong Sin Nam secara peribadi juga turut menyumbang sebanyak \$ 20,000 untuk pembinaan Dewan Perhimpunan Cina tersebut.⁴⁸ Beliau telah diberi penghormatan untuk meletakkan

44 *Straits Echo*, 9 October 1939.

45 *Ibid.*

46 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.48.

47 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 12 March 1936.

48 *Straits Echo*, 7 January 1939.

batu asas pada 6 Oktober 1937.⁴⁹ Bangunan Dewan Perhimpunan Cina Ipoh ini akhirnya siap dibina pada tahun 1939.

Kesihatan Merosot dan Meninggal Dunia

Tekanan sosial dan tanggungjawab yang berat dalam kehidupan masyarakat yang terpaksa harungi semasa Zaman Kemelesetan 1930-an dan tercetusnya Perang China-Jepun (1937-1945) memberi kesan yang amat besar kepada kehidupan Leong Sin Nam. Apatah lagi, usia beliau semakin lanjut dan kesihatannya mulai merosot. Oleh itu, pada tahun 1939, beliau pergi ke Jawa untuk mendapatkan rawatan lanjutan atas nasihat doktor peribadinya.⁵⁰ Beliau juga disarankan agar mengambil candu untuk memulihkan tenaga yang semakin merosot tetapi Leong Sin Nam menolak kaedah rawatan tersebut. Hal ini kerana beliau berpendapat bahawa kaedah tersebut tidak membantu memulihkan kesihatan beliau. Apatah lagi sejarah silam waktu remajanya sentiasa menjadikan beliau berwaspada, kerana ketika waktu remaja tersebut, tabiat penagihan candu hampir-hampir merosakkan kehidupannya.⁵¹

Walaupun beliau telah berusaha berubat sehingga ke Jawa dan Sumatera, kesihatannya tidak bertambah baik dan beliau terpaksa kembali semula ke Tanah Melayu dan dinasihatkan berehat di Port Dickson. Port Dickson ketika itu terkenal dengan pemandangan pantai yang indah dan suasana yang nyaman. Maka kaum keluarganya mengharapka suasana ini akan membantu meningkatkan tahap kesihatan beliau. Namun, Leong Sin Nam meninggal dunia pada 19 Januari 1940 ketika berusia 60 tahun.⁵² Berita kematian Leong Sin Nam '*plunged the whole Chinese community into gloom*'.⁵³ Mayat mendiang dibawa semula dengan keretapi khas ke Ipoh pada 22 Januari dan dikebumikan di kediaman keluarganya.⁵⁴ Sultan Abdul Aziz, Sultan Perak dan pemangku Residen British Perak, Tuan N.F.H. Mather adalah antara orang kenamaan yang memberi penghormatan terakhir kepada mendiang. Pada hari pengebumian, semua sektor perniagaan masyarakat Cina ditutup pada waktu pagi sebagai tanda penghormatan dan simbol berkabung terhadap pemergian beliau. Pengebumiannya digambarkan sebagai yang terhebat kerana jenazahnya telah diarak sekitar dua batu (3 km) mengeliling bandar Ipoh.⁵⁵ Mendiang adalah orang pertama yang dikebumikan di tanah perkuburan Kantonis di Jalan Gopeng, Ipoh dan tanah seluas 38,523 kaki persegi (3,578,9 m²) telah dikurniakan oleh kerajaan negeri Perak kepada keluarganya untuk dibina jirat mendiang.

Selepas kematiannya, kedua-dua surat khabar Inggeris dan Cina terus meratapi akan pemergian beliau dan menjulang kebaikan dan jasa-jasa yang telah beliau taburkan kepada masyarakat setempat dan negara. *The Straits Echo* melaporkan,

49 *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 7 October 1937.

50 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.52.

51 *Malay Tribune*, 20 January 1940.

52 *Morning Tribune*, 20 January 1940.

53 *Straits Echo*, 23 January 1940.

54 Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.53.

55 *Straits Echo*, 23 January 1940.

The passing away of towkay Leong Sin Nam at Port Dickson will cause wide spread regret for he was deservedly popular and much respected, his good works in Perak being as numerous as the sands on the seashore, while by his urbanity and strict integrity, he endeared himself to all whom he came in contact...he was popular not only with his countrymen but also with Europeans, Eurasians, Indians, Malays and Ceylonese. Socially, he was the best of good fellows. He had no acquaintances, for to know him was to be his friend. As a public man he spared neither time nor trouble in carrying out zealously the duties which public life entails. He never used his position to which he attained with any idea of self-advertisement. One of the most modest man one can meet anywhere his aim was always to do good. The same aim influenced his whole life. He was a good man trying according to his lights to be of service to his countrymen. He was so genial, well meaning, earnest and honest.⁵⁶

Kesimpulan

No words can better describe such a great personality like Leong Sin Nam's. His good works still live on and his name will never be forgotten.⁵⁷ Tiada kata-kata yang dapat diukirkan akan kemurahan hati Leong Sin Nam dalam membantu rakyat marhain khususnya para pelombong bijih timah yang dihipit kesusahan. Sumbangsih dalam menderma dan menyumbang wang ringgit untuk pembinaan sekolah, perumahan dan hospital juga merupakan antara tanda hati dan keikhlasan beliau demi meningkatkan kebajikan dan taraf hidup rakyat tempatan di Perak. Walaupun Leong Sin Nam tidak berdiri sebaris dengan pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air negara namun segala pengorbanan dan sumbangsih beliau wajar dinukilan dalam sejarah tanah air. Pengalaman hidup beliau patut menjadi iktibar dan teladan kepada kita bahawa sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. Sekiranya waktu remaja beliau terlanjur kerana terjerabak dalam kancah penagihan dadah, namun, mengisnsafi segera kesilapannya membantu Leong Sin Nam bangkit semula sehingga akhir muncul sebagai antara ahli perniagaan, pengusaha perlombongan dan ladang getah yang paling kaya di Perak. Walaupun berasal dari China namun setelah berhijrah dan bermastautin di Tanah Melayu, segala kudrat dan tenaga dicurahkan ke atas nusa dan negara baharunya yakni Tanah Melayu. Bak kata orang, Leong Sin Nam mengamalkan di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung; di mana ranting dipatah, di situ air disauk. Setiap rakyat daripada kita hendaklah mengikut aturan dan adat yang diamalkan di tempat yang kita berada. Cara kehidupan perlu disesuaikan dengan tempat dan keadaan kita berteduh dan mencari rezeki. Lantaran itu, kerajaan negeri Perak menghargai sumbangsih beliau dan telah menamakan sebatang jalan sebagai Jalan Leong Sin Nam di Kampung Jawa, Ipoh sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangsih beliau terhadap masyarakat dan negeri Perak.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Teoh Guat Kim. *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957, hlm.53.

Bibliografi

- Chearavanont, N. (Tse Yin), Ou Chiu Shui, *Singapore Stories: 石叻燕跡*, Chapter 38, Singapore: N.A.
- Durai, Raja Singam S., *Malayan Street Names: What they mean and whom they commemorate*, Ipoh: Mercantile Press, 1939.
- Everitt, W. E., *History of Mining in Perak*, Vol. 14. Perak: NA. 1952.
- Federated Malay States Government Gazette*, 12 March 1920. pp. No.6, Paragraph No. 950.
- Federated Malay States Report*, 1911.
- Hong, Lu, Terance D. Miethe, Bin Liang, *China's Drug Practices and Policies: Regulating Controlled Substances in a Global Context*, London: Routledge, 2009.
- Ingham, F.T. & Bradford, E. F., *The Geology and Mineral Resources of the Kinta Valley, Perak*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1960.
- Khoo, Salma Nasution & Abdur-Razzaq Lubis, *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, Batu Gajah: Perak Academy, 2005.
- Khoo Kay Kim, *Tanjong, Hilir Perak, Larut and Kinta; the Penang-Perak nexus in history*, Department of History, University of Malaya. The Penang Story – International Conference 2002.
- Leech, J.B.E., *Annual Report of Kinta District*, 1892.
- Loh Kok Wah, F., *Beyond the Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villages in the Kinta Valley, Malaysia, c. 1880 – 1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988.
- Malay Tribune*, 20 January 1940.
- Morning Tribune*, 26 March 1936.
- Perak Government Gazette*, 1909.
- Perak Khek Association Handbook* (Majalah Cendermata sempena penubuhan Persatuan Perak Khek), 1951.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 19 October 1934.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 21 December 1935
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 12 March 1936.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 7 October 1937.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 21 October 1938.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 31 October 1938.
- Purcell, V., *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, terj. Nik Hasnaa Nik Mahmood, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1997.
- Straits Echo*, 17 July 1920
- The Straits Times*, 19 January 1935.
- Straits Echo*, 7 January 1939
- Straits Echo*, 18 May 1939.
- Straits Echo*, 9 October 1939.
- Straits Echo*, 20 January 1940.
- Straits Echo*, 20 January 1940.
- Straits Echo*, 23 January 1940.
- Straits Times*, 24 September 1935
- Tak Ming Ho, *Generations: The Story of Batu Gajah*, Batu Gajah: Perak Academy, 2005.

- Teoh Guat Kim, *The Life and Times Leong Sin Nam, in Ipoh, 1880-1940*, Academic Exercise, National University of Singapore, 1957.
- Wang, Jianlang, *Unequal Treaties and China* (Vol. 1), Honolulu: Enrich Professional Publishing Limited, 2015.
- Wright, A & Cartwright, H. A., *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its history, People, Commerce, Industries, and Resources*, London: Lloyd's Greater Britain Publisher, 1908.
- Yat, Yoong Yip, *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1969.